



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA**

**BIL. 34 / 2019**

### **BAKAL CALON PRK N.27 RANTAU DIGESA ISI DAN SEMAK BORANG PENCALONAN SEBELUM HARI PENAMAAN CALON**

1. Semua bakal calon yang berhasrat untuk bertanding dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN N.27 Rantau adalah digesa supaya membuat semakan awal pengisian borang pencalonan mereka di Pejabat Pegawai Pengurus iaitu di Bilik Gerakan Pejabat Daerah dan Tanah Seremban atau di Pejabat Pilihan Raya Negeri Sembilan sebelum Hari Penamaan Calon.
2. Tujuan semakan awal ini adalah untuk memastikan semua bakal calon mengisi borang tersebut dengan betul dan menepati syarat serta kelayakan yang ditetapkan bagi mengelakkan berlakunya kesilapan pengisian borang semasa Hari Penamaan Calon. Langkah ini dapat menjamin proses penamaan calon pada Hari Penamaan Calon berjalan lancar dan mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Malah ia juga dapat memberi peluang kepada parti-parti yang calonnya didapati tidak layak semasa semakan awal untuk membuat persiapan sewajarnya sebelum Hari Penamaan Calon.
3. Walau bagaimanapun, adalah ditegaskan bahawa Kertas Penamaan Calon yang telah lengkap diisi dan disemak hendaklah dikemukakan oleh bakal calon atau penyokong atau pencadangnya kepada Pegawai Pengurus semasa Hari Penamaan Calon di Pusat Penamaan Calon pada Sabtu, 30 Mac 2019.

4. Selain daripada itu, bakal-bakal calon juga turut digesa untuk membuat pembayaran deposit (deposit pilihan raya dan deposit bahan kempen) lebih awal. Bakal-bakal calon juga adalah diminta untuk mengambil pas-pas calon, pencadang dan penyokong selepas bayaran deposit dibuat bagi tujuan kebenaran memasuki Pusat Penamaan Calon. Ini adalah untuk memastikan semua proses penamaan calon dapat diselesaikan dengan lebih cepat dan berjalan lancar pada Hari Penamaan Calon kelak.

Sekian, terima kasih.

**AZHAR AZIZAN HARUN**

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

Tarikh : 25 Mac 2019 / 18 Rejab 1440H